

# Tahap kesedaran bendung rasuah meningkat

**Putrajaya:** Kajian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bulan lalu menunjukkan rakyat negara ini mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk membendung rasuah dan sentiasa bersedia memberi kerjasama.

Kajian persepsi keberkesanan tindakan SPRM membabitkan 3,000 responden yang dijalankan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan 82.2 peratus responden sedia membuat laporan jika diminta memberi rasuah dan 82 peratus jika ditawarkan rasuah.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan (**gambar**), berkata kajian itu juga menunjukkan 79 peratus responden sedia membuat laporan jika melihat kejadian rasuah, 79.9 peratus sedia memberi maklumat dan 77.6 peratus sedia menjadi saksi dengan perlindungan.

“Bagaimanapun, hanya 66.4 peratus daripada responden menyatakan kesediaan menjadi saksi dan kita anggap jumlah ini masih kurang kerana setiap kes yang kita bawa ke mahkamah memerlukan saksi.

## Hasil memberangsangkan

“Ada kes membabitkan seorang ahli politik di Temerloh di mana kita sudah bawa ke mahkamah tetapi akhirnya semua sembilan saksi berpaling tada, menyebabkan ia tidak dapat diteruskan,” katanya dalam satu temuramah dengan media baru-baru ini, sempena sambutan Ulang tahun SPRM ke-46 hari ini.

Sutinah berkata, pelbagai transformasi yang dijalankan SPRM menunjukkan hasil memberangsangkan apabila tahap keyakinan rakyat kepada suruhanjaya itu meningkat kepada 64 peratus, selain kadar sabitan rasuah meningkat daripada 54 peratus pada 2009 kepada 89 peratus sehingga

Jun lalu.

Selain itu, katanya, sistem penyiasatan secara berpasukan yang dilaksanakan pada masa kini membolehkan kes disiasat dengan lebih cepat sehingga ada yang dapat diselesaikan dalam tempoh kurang sebulan berbanding hampir setahun apabila sesuatu kes diselesaikan secara individu sebelum ini.

Sutinah berkata, SPRM kini dalam proses meminda akta untuk memberi skop perundangan lebih luas termasuk peruntukan liabiliti korporat yang membolehkan syarikat, sama ada tempatan atau luar negara, didakwa bagi jenayah rasuah.

“Cadangan pindaan itu kini dalam kajian Jabatan Peguam Negara dan melalui undang-undang ini, kuasa SPRM tidak terhad kepada mendakwa individu saja tetapi juga syarikat yang terbabit, seperti mana dilakukan di beberapa negara lain,” katanya.



## INFO

### Penyelesaian kes Mahkamah Sesyen (Mahkamah Khas Rasuah)

- © 2009 - 174 kes
- © 2010 - 435 kes
- © 2011 - 520 kes
- © 2012 - 400 kes
- © Jumlah - 1,529

### Peratusan sabitan kesalahan 2009-2013

- © 2009 - 54 peratus
- © 2010 - 71 peratus
- © 2011 - 75 peratus
- © 2012 - 85 peratus
- © 2013 (Jun) - 89 peratus